

# Lawatan Akademik Pelajar Program Bioteknologi Ke Sabah Dairy International Sdn. Bhd.

Artikel oleh: Roslina Jawan

Pada 18 Oktober 2012, seramai 56 orang pelajar Program Bioteknologi telah mengadakan lawatan ke Sabah International Dairies (SiD) Sdn. Bhd., Kolombong diiringi oleh Pn. Roslina Jawan. Objektif lawatan ini adalah bertujuan untuk mendedahan para pelajar kepada proses-proses yang terlibat di dalam penghasilan produk minuman susu lembu. Lawatan ini dimulakan dengan sesi taklimat oleh wakil SiD yang menerangkan tentang latar belakang, operasi dan produk-produk syarikat. Seterusnya para pelajar bergerak ke ruangan pelawat bagi melihat sendiri mesin memproses susu yang berteknologikan Eropah dari peringkat pensterilan hingga ke pembungkusan seterusnya penyimpanan di dalam gudang. Seterusnya sesi lawatan diteruskan dengan sesi soal jawab dan para pelajar berpeluang untuk merasa minuman susu kotak 1 Malaysia yang



berperisa coklat. Di akhir lawatan cenderahati disampaikan kepada wakil SiD dan seterusnya sesi bergambar kumpulan diadakan di hadapan bangunan SiD.